

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS  
DARIPADA : YB TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO  
KAWASAN : KLANG**

**SOALAN :**

**YB TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah peruntukan Kementerian termasuk senarai terperinci untuk kawasan Parlimen Klang. Bolehkah Kementerian mempertimbangkan pembatalan kontrak-kontrak penyelenggaraan jalan raya yang dianugerahkan kepada syarikat swasta dan fungsi tersebut diambil alih oleh pihak Kerajaan.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah panjang jalan Persekutuan dalam kawasan Parlimen Klang ialah **59.0 km** yang melibatkan enam laluan seperti berikut:

1. Jalan Susur Selari (Persiaran Raja Muda Musa) **FT02** – 14.4km;
2. Jalan Klang - Sepang **FT05** - 6.0km;
3. Jalan Menuju ke Pelabuhan Utara (Jalan Ventoran) **FT103** – 4.8km;
4. Jalan Pelabuhan Utara – Pelabuhan Barat **FT180** – 5.5km;
5. Lebuhraya Pulau Indah **FT181** – 18.3km;
6. Jalan Lingkaran Pulau Indah **FT347** – 10.0km.

Jumlah peruntukan penyelenggaraan jalan Persekutuan yang telah disalurkan bagi kawasan Parlimen Klang dari tahun **2016** sehingga **2018** adalah seperti di **Lampiran A**.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kementerian akan meneruskan kontrak penswastaan penyelenggaraan jalan Persekutuan sepertimana yang telah diluluskan melalui Jemaah Menteri sebelum ini. Walau bagaimanapun, Kementerian akan terus memantau tahap prestasi perkhidmatan syarikat konsesi dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

**RUMUSAN KELULUSAN PERUNTUKAN PENYELENGGARAAN JALAN PERSEKUTUAN KAWASAN PARLIMEN  
KLANG BAGI TAHUN 2016 SEHINGGA 2018**

BIL	TAHUN	PERIHAL KERJA	NOMBOR LALUAN						JUMLAH KELULUSAN (RM)
			FT02	FT05	FT103	FT180	FT181	FT347	
1	2016	RUTIN	295,833.60	123,264.00	98,611.20	112,992.00	375,955.20	34,240.00	1,040,896.00
2		BP	0.00	0.00	751,716.85	70,653.02	1,131,871.04	0.00	1,954,240.91
3		BBP	149,995.80	2,000,000.00	429,282.64	379,750.32	394,750.32	0.00	3,353,779.08
4		KECEMASAN	12,633.45	0.00	0.00	2,760.24	1,004.88	0.00	16,398.57
<b>JUMLAH KELULUSAN 2016</b>			<b>458,462.85</b>	<b>2,123,264.00</b>	<b>1,279,610.69</b>	<b>566,155.58</b>	<b>1,903,581.44</b>	<b>34,240.00</b>	<b>6,365,314.56</b>
1	2017	RUTIN	295,833.60	123,264.00	98,611.20	112,992.00	375,955.20	205,440.00	1,212,096.00
2		BP	0.00	0.00	99,978.52	1,791,536.69	14,986,002.27	0.00	16,877,517.48
3		BBP	224,930.99	0.00	159,415.82	1,399,050.14	1,899,267.51	0.00	3,682,664.46
4		KECEMASAN	8,692.30	0.00	20,076.99	12,429.48	0.00	0.00	41,198.77
<b>JUMLAH KELULUSAN 2017</b>			<b>529,456.89</b>	<b>123,264.00</b>	<b>378,082.53</b>	<b>3,316,008.31</b>	<b>17,261,224.98</b>	<b>205,440.00</b>	<b>21,813,476.71</b>
1	2018	RUTIN	295,833.60	30,816.00	98,611.20	112,992.00	375,955.20	205,440.00	1,119,648.00
2		BP	991,444.48	0.00	299,972.00	0.00	0.00	0.00	1,291,416.48
3		BBP	0.00	0.00	0.00	0.00	98,734.55	0.00	98,734.55
4		KECEMASAN	7,290.68	0.00	39,938.78	44,021.06	0.00	0.00	91,250.52
<b>JUMLAH KELULUSAN 2018</b>			<b>1,294,568.76</b>	<b>30,816.00</b>	<b>438,521.98</b>	<b>157,013.06</b>	<b>474,689.75</b>	<b>205,440.00</b>	<b>2,601,049.55</b>
<b>JUMLAH KELULUSAN KESELURUHAN</b>			<b>2,282,488.50</b>	<b>2,277,344.00</b>	<b>2,096,215.20</b>	<b>4,039,176.95</b>	<b>19,639,496.17</b>	<b>445,120.00</b>	<b>30,779,840.82</b>

NOTA: BP - Berkala Pavemen

BBP - Berkala Bukan Pavemen